

7. Rajah berikut merujuk kepada pelayar Internet.



Apakah pelayar laman web lain yang terdapat di Malaysia?

- I Kaspersky
 - II Microsoft Edge
 - III Firefox
 - IV Koridor Raya Multimedia
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

8. Foto berikut menunjukkan sebuah satelit.



Antara berikut, yang manakah bukan kelebihan Satelit Asia Timur Malaysia (MEASAT)?

- A Menerima data kaji cuaca
- B Siaran televisyen berdefinisi HD
- C 185 siaran televisyen
- D 20 saluran radio

6.4

Kesan Telekomunikasi terhadap Pembangunan Negara

Buku Teks: m.s. 97 – 98

9. Antara berikut, yang manakah kesan positif telekomunikasi terhadap pembangunan negara?

- I Peluang pekerjaan
 - II Mengeratkan silaturahmi
 - III Menjimatkan kos pembelajaran
 - IV Multimedia interaktif
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

6.5

Penggunaan Alat Telekomunikasi secara Beretika

Buku Teks: m.s. 99 – 100

10. Antara berikut, yang manakah bukan etika penggunaan alat telekomunikasi?

- A Tidak melakukan plagiat hak cipta individu lain
- B Tidak menyebarkan sesuatu berita jika belum sahih
- C Mendukung Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- D Berkongsi kata laluan kepada umum

Soalan Subjektif

Jawab semua soalan.

6.1

Alat Telekomunikasi di Malaysia

Buku Teks: m.s. 92

1. Alat telekomunikasi telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia.

(a) Nyatakan kegunaan alat telekomunikasi di bawah. **TP 1**

(i) Mesin faks



salinan dokumen, mengirimkan dokumen jarak _____ serta dokumen yang diterima boleh disalin.

jauh

Memindahkan

(ii) Telefon pintar



Boleh [] dengan keluarga dan rakan-rakan, boleh mengambil gambar dan boleh mencari maklumat melalui pelayar []

internet

berhubung

(b) Pada pandangan anda, apakah kesan jika telekomunikasi disalahgunakan dalam masyarakat?

TP 4 KBAT Menganalisis

Pada pandangan saya, terdapat beberapa kesan jika telekomunikasi disalahgunakan dalam masyarakat. Antaranya ialah boleh mewujudkan keadaan [] dan mencetuskan pergaduhan. Selain itu, ia juga akan mengaibkan sesetengah []

pihak

huru-hara

2. Padankan pernyataan di bawah dengan alat telekomunikasi yang sesuai. **TP 1**

(a) Bertanggungjawab memajukan ICT tempatan.

Kabel fiber optik

(b) Mempunyai kemudahan 3G dan 4G.

Jalur lebar berkelajuan tinggi

(c) Telekom Malaysia memajukan industri telekomunikasi di Malaysia.

Telefon pintar

(d) Menyalurkan informasi dan memindahkan arus data dalam jaringan komputer.

Syarikat telekomunikasi

(e) Boleh mengubah, menyimpan, memproses, memindah dan melihat maklumat.

Komputer

(f) Sekurang-kurangnya 95% rakyat Malaysia mempunyai capaian terhadap Internet.

Koridor Raya Multimedia (MSC)

6.2 Kemajuan Alat Telekomunikasi di Malaysia

Buku Teks: m.s. 93 – 95

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. **TP 2**

(a) Satelit yang dilancarkan berkaitan dengan televisyen ialah _____

(b) Satelit yang menggunakan kamera yang beresolusi tinggi ialah _____

- (c) Kabel yang diperbuat daripada serat kaca atau plastik yang sangat halus ialah _____.
- (d) Antara keistimewaan yang ditawarkan oleh MSC kepada syarikat telekomunikasi ialah pengecualian _____.
- (e) Badan yang bertanggungjawab untuk meluaskan penggunaan Internet ke seluruh negara ialah _____.
- (f) Jalur lebar ialah medium penghantaran _____ yang memiliki jalur lebar melebihi frekuensi suara 3 000 hertz.
- (g) _____ memainkan peranan penting dalam usaha menyediakan telefon talian tetap dan memajukan industri telekomunikasi negara.
- (h) Pelbagai aplikasi boleh dimuat turun dengan menggunakan _____.

4. Nyatakan lima kelebihan telefon pintar. **TP 2**

- Dilengkapi dengan _____ yang beresolusi tinggi.
- Mampu menerima dan membalas e-mel
- Capaian _____
- Perkhidmatan pesanan ringkas
- Perbualan _____

internet

kamera

video

(e) _____

Bab 6

6.3 Kepentingan Telekomunikasi di Malaysia

Buku Teks: m.s. 96

5. Jelaskan kepentingan penggunaan alat telekomunikasi di Malaysia. **TP 3** **KBAT** Mengaplikasi

Terdapat beberapa kepentingan penggunaan alat telekomunikasi di Malaysia. Antaranya ialah boleh _____ silaturahim. Kita bukan saja boleh berhubung dengan rakan dalam negara, malah rakan di seluruh dunia. Pelbagai _____ boleh diperolehi dengan mudah hanya dengan melayari internet.

Selain itu, internet juga penting kepada pentadbir sesebuah negara terutama untuk pengurusan negara yang lebih _____ serta segala urusan menjadi lebih cepat dan efisien.

Penggunaan internet turut digunakan dalam bidang lain seperti pendidikan, perkhidmatan, kewangan dan ramalan cuaca. Dalam bidang _____, e-pembelajaran dilaksanakan, murid boleh mendapat ilmu hanya diujung jari, tanpa berkomunikasi dengan guru atau pengajar.

pendidikan

mengeratkan

sistematik

maklumat

Urusan kewangan dan perkhidmatan dalam talian semakin giat dijalankan. Urusan ini dikukuhkan lagi dengan adanya medium media sosial yang menyokong aktiviti ini.

Dalam ramalan kaji cuaca pula, satelit dapat memberikan ramalan kaji cuaca serta fenomena alam dengan lebih tepat dan terperinci. Oleh itu, penduduk dapat bersedia lebih awal dalam menghadapi keadaan cuaca buruk seperti banjir.

6. Penggunaan telekomunikasi memberi kesan yang besar kepada negara.

(a) Terangkan kesan positif penggunaan telekomunikasi terhadap pembangunan negara. **TP 4**

KBAT Menganalisis

Ada pelbagai kesan positif penggunaan telekomunikasi terhadap pembangunan negara, antaranya ialah perniagaan secara dalam [] atau e-dagang telah diperkenalkan. Dengan adanya Facebook, WhatsApps, Instagram dan Telegram telah memudahkan lagi perniagaan e-dagang. Penggunaan e-dagang yang semakin aktif sekaligus telah mewujudkan pelbagai peluang [] kepada golongan belia.

Selain itu, rakyat dapat berurusan dengan agensi kerajaan secara lebih mudah melalui e-kerajaan. Kita juga dapat membayar bil secara dalam talian dan dalam masa yang sama urusan perbankan dapat dijalankan dengan [] di mana-mana sahaja.

Perkhidmatan telekesihatan juga telah mula diperkenalkan. Doktor pakar boleh memeriksa keadaan pesakit secara jarak jauh dengan menggunakan teknologi komunikasi. Interaksi secara maya atau telesidang juga digunakan dengan kemudahan telekomunikasi.

talian

mudah

pekerjaan

(b) Penggunaan telekomunikasi bukan sahaja memberikan kesan positif tetapi turut memberikan kesan negatif. Berikan penjelasan anda. **TP 5** **KBAT** Menilai

Terdapat juga kesan negatif dalam penggunaan telekomunikasi bila berlakunya

[] kemudahan tersebut. Antaranya salah guna yang dilakukan ialah pencerobohan dan [] maklumat peribadi pengguna lain ia dapat menjatuhkan imej seseorang serta menyentuh isu-isu sensitif pengguna lain. Kita juga dilarang memuat naik perkara-perkara [] di laman sosial supaya tidak mencetuskan perbalahan atau pergaduhan dengan pihak lain.

Sesuatu maklumat juga perlu [] kesahihannya kerana tidak semua maklumat di laman sosial adalah tepat. Kita juga dinasihatkan berhati-hati kerana penipuan boleh berlaku di mana-mana sahaja. Setiap pengguna perlu menggunakan telekomunikasi dengan penuh beretika dan bijak agar tidak mencetuskan sebarang masalah di masa hadapan.

negatif

disahkan

penyalahgunaan

pencurian

7. Sejauh manakah pengamalan etika komunikasi digunakan dalam masyarakat? Apakah ciri-ciri komunikasi yang sopan santun dan berhemah? **TP 5** **KBAT** **Menilai**

Dalam menggunakan alat telekomunikasi, terdapat etika yang perlu diikuti. Antaranya ialah tidak menyentuh isi-isu yang [redacted], tidak melakukan aktiviti plagiat dan tidak mendedahkan hal peribadi pihak lain kepada umum. Jika etika-etika ini tidak dipatuhi, ketenteraman awam akan terganggu.

Penggunaan alat komunikasi semakin berleluasa dan digunakan oleh pelbagai lapisan umur tanpa batasan. Sebahagian besar masyarakat mudah mempercayai apa yang didedahkan di laman sosial, iaitu melalui kuasa tular (viral). Kuasa [redacted] sangat besar, sama ada memberi kesan positif atau kesan negatif. Seelok-eloknya kita mengetahui terlebih dahulu kandungan berita atau info yang disampaikan sama ada benar atau tidak.

Selain itu, melalui alat telekomunikasi ini boleh mewujudkan kesan positif, antaranya ialah boleh [redacted] hubungan sesama ahli keluarga yang jauh serta memudahkan pencarian maklumat. Jika semua etika yang terkandung dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 diamalkan, tiada lagi isu pergaduhan timbul dalam masyarakat kerana penyalahgunaan alat telekomunikasi.

Anatar ciri-ciri komunikasi yang sopan santun pula ialah menegur dengan cara baik, tidak menabur [redacted] serta sentiasa menjaga aib orang lain. Selain itu, sentiasa mencari pendamaian dan mengelakkan perbalahan.

fitnah

tular

sensitif

merapatkan

Soalan Esei

Jawab semua soalan.

1. (a) Nyatakan garis panduan dalam menggunakan alat telekomunikasi.

1. a) Antara garis panduan dalam menggunakan alat komunikasi ialah menggunakan alat komunikasi untuk perkara yang [redacted], tidak melakukan plagiat, bersopan santun dan berhemah semasa berkomunikasi, Tidak mendedahkan kata laluan dan maklumat [redacted] kepada pihak lain. Pastikan [redacted] suatu maklumat dalam internet dan elakkan menyentuh isu sensitif yang melanggar norma masyarakat. Elakkan dari merosakkan sistem komunikasi orang lain. Akhir sekali, [redacted] kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

kesahihan

peribadi

patuh

bermanfaat

(b) Jelaskan kelebihan jika alat telekomunikasi digunakan dengan betul.

1. b) Antara kelebihan jika alat telekomunikasi digunakan dengan betul ialah dapat memelihara [redacted] antara manusia seperti hubungan sesama rakan dan keluarga bertambah erat. Dapat menambahkan [redacted] dengan menjalankan perniagaan atas talian. Contohnya melalui media sosial Facebook dan Instagram. Seterusnya dapat meningkatkan [redacted] negara apabila dapat mengukuhkan perhubungan antara negara.

ekonomi

hubungan

pendapatan

(b) Mengapakah telekomunikasi penting dalam usaha untuk mencapai status negara maju?

2 b) Telekomunikasi penting dalam usaha untuk mencapai status negara maju kerana ia dapat memberi kemajuan kepada negara. Ia memberi banyak kesan positif kepada negara. Telekomunikasi juga membantu rakyat menambahkan [redacted] pengetahuan dan dapat menggalakkan perkongsian [redacted]. Ia juga dapat menggalakkan hubungan antara negara. Dengan itu, aktiviti perdagangan akan [redacted] serta pendapatan negara juga akan bertambah.

idea

meningkat

ilmu